

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MEI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 31

RUU CCUS dibentangkan di Kabinet minggu depan

RUU CCUS dibentangkan di Kabinet minggu depan

Usaha letak Malaysia di kedudukan penting jadi peneraju industri

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kementerian Ekonomi akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) ke Kabinet minggu depan.

Menterinya, Rafizi Ramli, ber�ata selepas dibawa ke Kabinet, rangka kerja kawal selia itu dijangka dibentangkan di Parlimen pada November ini, sebelum diluluskan.

Katanya, apabila diluluskan kelak, ia dijangka meletakkan Malaysia di kedudukan penting menjadi peneraju industri itu di rantau ini.

"Saya ingin memaklumkan bahawa CCUS akan dibentangkan kepada Kabinet minggu depan dan Parliment November depan.

"Jelas sekali industri perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) dijangka menjadi yang pertama menikmati limpahan manfaat daripada pelaksanaan CCUS," katanya ketika menyampaikan ucapan pada OGSE100 CEOs Forum di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), Datuk Dr Ahmad Suhaili Idrus; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift



Rafizi bersama Ahmad Suhaili (tiga dari kiri) dan Muhamad Umar (dua dari kanan) bergambar selepas menyampaikan ucapan pada OGSE100 CEOs Forum di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

dan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif MPRC, Mohd Yazid Ja'afar.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, melihat kepada tarikan modal yang besar, rangka kerja CCUS amat penting dan diperlukan untuk menarik pelaburan dalam industri berkenaan.

Peluang manfaat kepakaran

Katanya, dengan anjakan semasa, industri OGSE seharusnya memanfaatkan kepakarannya, untuk meletakkan semula kedudukannya dengan pantas dalam pertumbuhan positif.

"Sememangnya, apabila memulakan strategi baru, terdapat beberapa kreativiti diperlukan untuk menggerakkan halangan kewangan awal. Memandangkan sifat industri kita berasingan, langkah untuk menyatukan melalui model usaha sama atau penggabungan dan pengambilalihan (M&A) mungkin tepat pada masanya," katanya.

Beliau menjelaskan, Kemen-

terian Ekonomi menerusi MPRC menjalankan Kajian Separuh Penggal Pelan Tindakan OGSE Kebangsaan akhir tahun ini.

"Dengan mengemukakan naratif yang lebih terangkum untuk OGSE dan peranan penting dimainkannya pada masa depan kita, kita boleh memacu industri ke hadapan," katanya.

Rafizi berkata, CCUS akan menyumbang kira-kira 15 peratus kepada pengurangan pelepasan karbon.

"Ia menjadi antara tumpukan di bawah Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan wujudnya peluang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab CCUS serantau. Kerajaan memahami keperluan ini untuk melaksanakan apa yang perlu dengan segera," katanya.

November lalu, Rafizi pada sidang media Persidangan CCUS Malaysia 2023 yang kali pertama diunjurkan Kementerian Ekonomi berkata, CCUS akan digubal dalam tempoh 12 hingga 15 bulan bagi menjadikan Malaysia seba-

gai peneraju industri itu di rantau ini.

Beliau berkata, tumpuan kerajaan adalah untuk mempercepatkan usaha itu seiring komitmen Malaysia mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih sifar menjelang 2050.

Teknologi CCUS digunakan untuk memerangkap dan menyimpan kekal karbon dioksida (CO₂) di dalam tanah dan ia adalah antara kaedah mitigasi penting dalam mengurangkan perlepasan CO₂.

Pembangunan CCUS penting memandangkan ia adalah satu industri baharu dan memerlukan rangka kerja dari segi undang-undang, peraturan dan piawaian yang dibangunkan serta-merta.

Ini kerana katanya, Malaysia mempunyai potensi besar Malaysia mempunyai potensi besar untuk memajukan industri CCUS itu dengan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran yang ada dalam industri minyak dan gas negara.